

09/03/2001

Pertemuan Umno-Pas demi kepentingan Melayu (HL)

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar

PUTRAJAYA, Khamis - Pertemuan yang dicadangkan antara Umno dan Pas adalah untuk membincang perkara membabitkan kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa kebangsaan dan status raja-raja Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, perbincangan mengenai perkara itu perlu berikutan ada usaha kumpulan tertentu untuk mencabar dan mempersoalkan hak-hak berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, parti politik yang mewakili Melayu seperti Umno dan Pas perlu mengetepikan perbezaan serta kepentingan politik mereka bagi mempertahankan peruntukan Perlembagaan.

Malah, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno menegaskan, beliau sedia untuk bertemu Pas walaupun dalam satu perbincangan tidak formal asalkan pertemuan itu dapat diadakan.

"Inilah tujuan kita nak mengadakan pertemuan dengan Pas, bukan untuk mengajak Pas masuk Barisan Nasional (BN). Kita juga tidak berniat nak bekerjasama dengan Pas dalam semua bidang atau nak bubar Pas dan Umno, buat satu parti Melayu nak lawan dengan kaum-kaum lain.

"Tetapi apabila ada kumpulan lain yang mencabar kepentingan Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan, sepatutnya parti politik mewakili Melayu seperti Umno dan Pas mengetepikan perbezaan politik bagi mempertahankan hak bersama seperti peruntukan Perlembagaan.

"Pertemuan Umno dengan Pas ini juga bukan bermakna penyatuan orang Melayu untuk menentang kaum lain. Kita percaya kepada demokrasi dan kehadiran pembangkang tetap perlu untuk menegur pemerintah," katanya dalam sidang akhbar khas di pejabatnya di sini hari ini.

Sidang akhbar itu bagi mengelak kekeliruan yang timbul di kalangan orang ramai dan Pas sendiri kerana Umno sebelum ini matlamat pertemuan itu tidak dinyatakan secara jelas.

Hadir sama ialah Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Pertemuan perpaduan Melayu di antara pemimpin Umno dan Pas sepatutnya diadakan 19 Februari lalu tetapi gagal kerana sehari sebelum itu, Pas mengemukakan tiga syarat iaitu pemberian balik royalti minyak kepada kerajaan Pas Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Bagaimanapun, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno 23 Februari lalu menyatakan kesediaannya untuk berbincang mengenai apa saja dengan Pas asalkan parti pembangkang itu tidak meletakkan sebarang syarat, dan ia juga tidak dapat memenuhi syarat Pas.

Mesyuarat jawatankuasa teknikal yang diketuai setiausaha agung kedua-dua parti juga sudah mengadakan tiga pertemuan bagi memperhalusi agenda perbincangan.

Dr Mahathir berharap, penjelasannya mengapa Umno masih mahu berjumpa dengan Pas itu membolehkan pertemuan berkenaan diadakan.

"Perkara-perkara menyentuh kepentingan Melayu inilah yang kita nak bincang, bukan dalam perkara politik. Itu sahaja dan ia tak menjejaskan perjuangan Pas kerana saya yakin Pas juga mahu pertahankan hak keistimewaan Melayu, agama Islam dan kedudukan Raja-Raja Melayu.

"Kita tak nak hapus sistem beraja. Misalnya, jika ada pihak mempersoalkan Islam adalah agama rasmi dan nak lihat supaya agama lain

juga dapat kedudukan yang sama dengan agama Islam...ini adalah bercanggah dengan Perlembagaan," katanya.

Beliau berkata, ancaman seumpama itu bukan datangnya daripada parti-parti komponen BN, sama ada orang Cina atau India tetapi kumpulan lain.

Katanya, parti komponen lain dalam BN menerima peruntukan dalam Perlembagaan mengenai hak keistimewaan orang Melayu serta Bumiputera dan pemimpin parti ini tidak menentang.

Malah, Umno akan terus bekerjasama dengan parti komponen BN lain termasuk yang mewakili kaum Cina, India, Dayak atau Kedazan kerana parti-parti itu tidak pernah mempersoalkan hak orang Melayu, kecuali kumpulan lain.

Beliau bagaimanapun enggan menamakan kumpulan itu. "Awak teka sendirilah," katanya kepada pemberita.

Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) sebelum ini membangkitkan tujuh tuntutan yang menyentuh hak istimewa orang Melayu. Isu itu mencetuskan kemarahan orang Melayu tetapi kemudian dapat dileraikan melalui perbincangan wakil Pemuda Umno apabila Suqiu bersetuju mengetepikan sementara tuntutan berkenaan.

Ditanya kemungkinan syarat yang dikemukakan Pas itu menyukarkan usaha mengadakan pertemuan, Dr Mahathir berkata syarat itu tidak ada kena mengena dengan kepentingan orang Melayu.

Malah katanya, beliau tidak meminta Pas menarik balik syarat itu sebelum mengadakan pertemuan, kerana yang penting ialah berjumpa serta berbincang terlebih dahulu.

"Sekurang-kurangnya kalau kita jumpa, kita boleh buat penjelasan," katanya sambil menambah, jawatankuasa teknikal kedua-dua parti perlu mengadakan perbincangan lanjut.

Mengenai kemungkinan Pas menerima tekanan ahlinya dan pemimpin tertentu supaya pertemuan itu tidak menjadi kenyataan, beliau berkata dalam mana-mana parti politik, perbezaan pendapat memang wujud.

Ditanya harapan tingginya supaya pertemuan itu menjadi kenyataan, Dr Mahathir menjelaskan: "Saya tidak menyatakan harapan tinggi, saya cuma masih mengharap."

Berhubung tindakan Kerajaan Pas Terengganu memfailkan saman terhadap Petronas dan Kerajaan Persekutuan di Mahkamah Tinggi di sini hari ini mengenai isu royalti minyak, Dr Mahathir berkata itu adalah hak mereka untuk berbuat demikian.

"Kita serahkan kepada mahkamah untuk menentukannya. Kita berpendapat, tindakan kita (pembayaran wang ihsan kepada Terengganu) adalah mengikut undang-undang," katanya.

(END)